

20 AUG 1998

PERDANA MENTERI SAKSI RAPTAI PERASMIAN SUKAN KOMANWEL KE-16

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyaksikan raptai perasmian Sukan Komanwel Ke-16 yang bermula pada 11 Sept ini.

Raptai itu berlangsung di Stadium Nasional iaitu stadium utama Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil yang mampu memuatkan 100,000 penonton.

Upacara raptai diserikan dengan persembahan kebudayaan yang berwarna-warni yang menggambarkan keadaan flora and fauna di Malaysia serta ciri kebudayaan masyarakat majmuk negara ini.

Kira-kira 2,000 peserta mengambil bahagian dalam acara itu.

Yang turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

-- BERNAMA

HAK FAZ